

PAS Tangguh Muktamar, Adakan Perhimpunan 1 Jun Di Alor Setar
Bername
22 Mei, 2012

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Pas akan menangguhkan muktamar tahunan yang dijadualkan bulan depan ke November tahun ini bagi membolehkan parti itu memberikan tumpuan kepada persiapan menghadapi pilihan raya umum ke-13, kata Setiausaha Agung PAS Datuk Mustafa Ali.

Sebaliknya, beliau berkata PAS akan mengadakan satu perhimpunan sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum di Stadium Darul Aman, Alor Star pada 1 Jun ini.

"Perkara ini (untuk menangguhkan muktamar) telah diputuskan oleh Jawatankuasa Pusat PAS yang bermesyuarat pada 13 Mei lalu. Ini bagi membolehkan kita memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap pilihanraya umum yang akan diadakan tidak lama lagi," katanya ketika dihubungi Bernama.

Beliau berkata satu taklimat tertutup oleh Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang kepada pucuk pimpinan PAS dan wakil rakyat parti akan diadakan ketika perhimpunan itu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667764>